MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67 **22hb Disember 2023** *TAMBAHAN No. 1*

No. 31482.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SENAT) (PINDAAN) 2022

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan Permulaan Kuat Kuasa

2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA STATUT IBU

3. Pindaan Kepada Seksyen 2 Statut Ibu

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SENAT) (PINDAAN) 2022

Suatu Statut untuk meminda Statut Universiti Putra Malaysia (Senat) 2020 yang diwartakan dalam GN 15022/2020.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan Permulaan Kuat Kuasa

1. Statut ini bolehlah dinamakan sebagai Statut Universiti Putra Malaysia (Senat) (Pindaan) 2022 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1hb Mei 2022.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Statut Ibu" ertinya Statut Universiti Putra Malaysia (Senat) 2020 yang diwartakan dalam GN 15022/2020.

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA STATUT IBU

Pindaan Kepada Seksyen 2 Statut Ibu

3. (1) Statut ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 2(2) Statut Ibu, subseksyen berikut:

"(2A) *(a)* Bagi maksud subseksyen 2(1)*(c)*, ketua pusat yang menjadi anggota Senat adalah terhad kepada ketua sesuatu pusat:

(i) yang menawarkan kursus yang menjadi sebahagian daripada keperluan program pengajian bagi membolehkan seseorang pelajar berdaftar memperoleh diploma, ijazah bachelor, sarjana atau kedoktoral, tanpa mengira sama ada kursus itu bersifat akademik, atau kemahiran; atau

(ii) yang menjalankan program asasi yang ditawarkan oleh Universiti.

(b) Apa-apa persoalan sama ada sesuatu pusat itu merupakan pusat yang dinyatakan dalam subperenggan (2A)*(a)*(i) atau (ii) hendaklah diputuskan oleh Pengerusi Senat."

Dibuat pada 19 Oktober 2023
[Minit Mesyuarat LPU 170/06]
[UPM/PPUU/600-1/1/2 (Senat)]]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Canselor
Universiti Putra Malaysia

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY OF PUTRA MALAYSIA

Universiti Putra Malaysia (Senate) (Amendment) Statute 2022

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Part I

PRELIMINARY

1. Citation and Date of Coming into Force

2. Interpretation

Part II

AMENDMENT TO THE PARENT STATUT

3. Amendment to Section 2 of the Parent Statute

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY OF PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SENATE) (AMENDMENT) STATUTE 2022

A Statute to amend Universiti Putra Malaysia (Senate) Statute 2020 gazetted via GN 15022 of 2020.

In exercise of the powers conferred by Section 35(1) of the Constitution of Universiti Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], the Chancellor makes the following statute:

PART I

PRELIMINARY

Citation and Date of Commencement

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Senate) (Amendment) Statute 2022 and shall come into force on 1st May 2022.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

"Parent Statute" means Universiti Putra Malaysia (Senate) Statute 2020 gazetted via GN 15022/2020.

PART II

AMENDMENTS TO THE PARENT STATUTE

Amendment to Section 2 of the Parent Statute

3. (1) The Parent Statute is amended by inserting after subsection 2(2) of the Parent Statute, the following subsection:

"(2A) *(a)* For the purpose of subsection 2(1)*(c)*, the head of a centre who shall become a member of the Senate shall be limited to the head of a centre:

(i) which offers courses that form part of the requirements of programme of studies to enable a registered student to obtain a diploma, bachelor's, master's or doctoral degree, without taking into account whether such courses are of academic or skills in nature; or

(iii) which runs the foundation programmes offered by the University.

(b) Any question with regard to whether a centre is the centre specified in subparagraph (2A)*(a)*(i) or (ii) shall be made by the Chairman of the Senate."

Made on 19 October 2023
[Minutes of LPU Meeting 170/06]
[UPM/PPUU/600-1/1/2(Senat)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Chancellor
Universiti Putra Malaysia

No. 31483.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN) 2023

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 35(1), Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Tetap Kewangan) 2023** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 22 Disember 2023.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti menurut seksyen 41 Perlembagaan Universiti.

"Pengerusi" ertinya mana-mana ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti menjadi Pengerusi Jawatankuasa.

Penubuhan Jawatankuasa Tetap Kewangan dan keanggotaan

3. (1) Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti mengikut Seksyen 41 Perlembagaan Universiti hendaklah terdiri daripada:

(a) Seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti sebagai Pengerusi;

(b) Naib Canselor;

(c) mana-mana dua (2) orang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor;

(d) Bursar; dan

(e) mana-mana orang lain sama ada dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dalam hal ehwal kewangan, yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti atas syor Jawatankuasa Pengurusan Universiti berdasarkan keperluan mesyuarat.

(2) Pengerusi Jawatankuasa boleh, dengan persetujuan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti melantik pengerusi silih ganti dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah Universiti yang lain, untuk mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak dapat hadir ke mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Mana-mana pegawai dalam skim perkhidmatan pegawai kewangan yang kompeten sebagai Setiausaha Jawatankuasa.

Mesyuarat

4. (1) Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat, masa dan agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Sebagai tambahan kepada sub-seksyen 3(3) Statut ini, sekiranya pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan di bawah subperenggan 4(1) dan korum Jawatankuasa mencukupi tetapi Pengerusi tidak hadir, Jawatankuasa boleh memilih seorang daripada mana-mana ahli yang hadir sebagai Pengerusi mesyuarat itu.

(3) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberi pandangan kepada Jawatankuasa tentang apa-apa perkara dalam bidang kuasanya.

(4) Peruntukan sub-seksyen (3) di atas tidak boleh ditafsirkan sebagai memberi hak untuk mengundi atau mengambil bahagian dalam proses membuat ketetapan.

Minit Mesyuarat

5. (1) Setiausaha hendaklah menyebabkan—

(a) minit mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit mesyuarat dikemukakan kepada ahli Jawatankuasa secepat yang dapat dilaksanakan.

(2) Minit-minit mesyuarat yang disahkan hendaklah disifatkan sebagai rekod yang lengkap mengenai ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa dan tindakan susulan mematuhi ketetapan tersebut hendaklah diambil sewajarnya.

Korum

6. Korum untuk sesuatu mesyuarat Jawatankuasa ialah tiga (3) orang ahli Jawatankuasa dan seorang pengerusi mesyuarat.

Bidang tugas

7. Jawatankuasa hendaklah—

(a) menyediakan draf anggaran hasil dan perbelanjaan tahunan Universiti dan mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah Universiti;

(b) memperakukan strategi-strategi berkenaan urusan kewangan kepada Lembaga Pengarah Universiti;

(c) menetapkan tatacara perolehan, pengurusan harta dan inventori Universiti;

(d) mengatur dan mengawal kewangan Universiti yang meliputi semua arahan, peraturan, ketetapan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan

(e) apa-apa fungsi lain yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa.

Kesahan perbuatan atau peninggalan Jawatankuasa sebelum kuat kuasa Statut

8. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan Jawatankuasa yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Pemakaian Jadual (Sub-seksyen 16(3) P.U.(A) 448)

9. Peruntukan Jadual sub-seksyen 16(3) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia hendaklah juga terpakai bagi Jawatankuasa dan dibaca bersama Statut ini.

Dibuat pada 19 Oktober 2023
Minit Mesyuarat LPU 163/16
[UPM/PPUU/600-1/1/2/JKTK]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Canselor
Universiti Putra Malaysia

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY OF PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA
(STANDING FINANCE COMMITTEE) STATUTE 2023

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1), the Constitution of Universiti Putra Malaysia [*P.U. (A) 448/2010*], the Chancellor makes the following Statute:

Name

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Standing Finance Committee) Statute 2023 and shall come into force on 22 October 2023.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

"Committee" means the Standing Finance Committee appointed by the Board of Directors of the University in accordance with section 41 of the University Constitution.

"Chairman" means any member of the Board of Directors of the University appointed by the Board of Directors of the University to be the Chairman of the Committee.

Establishment of the Standing Finance Committee and membership

3. (1) The Standing Finance Committee appointed by the Board of Directors of the University in accordance with Section 41 of the Constitution of the University shall consist of:

(a) a member of the Board of Directors of the University as Chairman;

(b) the Vice-Chancellor;

(c) any two (2) Deputy of Vice-Chancellors appointed by the Vice Chancellor;

(d) Bursar; and

(e) any other person whether within or outside the University who possess the expertise in financial affairs, appointed by the Board of Directors of the University on the recommendation of the University Management Committee as may be required by the meeting.

(2) The Chairman of the Committee may, with the approval of the Chairman of the University Board of Directors appoint an alternate chairman among the other members of the University Board of Directors, to chair a meeting of the Committee if the Chairman of the Committee is unable to attend a meeting of the Committee.

(3) Any officer in the scheme of service of a financial who is competent as the Secretary of the Committee.

Meeting

4. (1) The Chairman shall determine the date, place, time and agenda for the meeting of the Committee and the meeting shall be called by the Secretary of the Committee.

(2) In addition to the sub-section of 3(2) of this Statute, if on such date, place and time determined under subparagraph 4(1) and the quorum of the Committee is sufficient but the Chairman is absence, the Committee may elect one of any members who is present as Chairman of the meeting.

(3) The Committee may invite any person from within or outside the University who possess the relevant expertise and experience to attend the meeting for the purpose of giving his views to the Committee relating to any matter within its jurisdiction.

(4) The provisions of subsection (3) above shall not be construed as conferring the right to vote or participate in the decision making process.

Minutes of meetings

5. (1) The Secretary shall cause—

(a) minutes of meetings to be maintained and kept in a proper form; and

(b) a copy of the minutes of the meeting is served to the members of the Committee as soon as practicable.

(2) Minutes of meeting which have been confirmed shall be deemed to be a complete record of the resolution made by the Committee and step to comply with such resolutions shall be taken accordingly.

Quorum

6. The quorum for a meeting of the Committee is three (3) members of the Committee and a chairman of the meeting.

Scope of work

7. The Committee shall—

(a) prepare a draft estimate of revenue and expenditure of the University and submit it to the Board of Directors of the University;

(b) recommend strategies on financial matters to the Board of Directors of the University;

(c) prescribing the procurement, property and inventory management procedures of the University;

(d) to regulate and control the finances of the University covering all directives, regulations, financial rulings in force from time to time; and

(e) such other functions as may be directed by the Board of Directors of the University from time to time.

Validity of acts or omissions of the Committee prior to the coming into force of the Statute

8. No act or omission of the Committee in performing its functions before the commencement of this Statute becomes null and void by reason of this Statute has not come into force.

Application of Schedule (Subsection 16 (3) of P.U. (A) 448)

9. The provisions of the Schedule of subsection 16(3) of the Constitution of Universiti Putra Malaysia shall also apply to the Committee and be read in conjunction with this Statute.

Made on 19 October 2023
Minutes of LPU Meetings 163/16
[UPM/PPUU/600-1/1/2/JKTK]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Chancellor
Universiti Putra Malaysia

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW23/1286